



## PPK PENGGERAK MODAL INSAN

Program Pengupayaan Kendiri (PPK) adalah satu program bersepadu yang mengandungi tiga program utama iaitu Program Pementoran, Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAM) dan Program Kaunseling. PPK bertujuan untuk mengenalpasti, meneroka dan membangunkan potensi penjawat awam supaya berdaya maju, sihat mental dan fizikal serta berprestasi tinggi. Selain itu, PPK turut berperanan sebagai medium kepada warga KPWKM untuk berkongsi idea, mendapatkan bimbingan, khidmat nasihat, dorongan dan sokongan dalam melaksanakan tugas atau menjalani kehidupan seharian.

Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Program Pengupayaan Kendiri (JKPPK) bagi memastikan PPK dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tersusun berdasarkan panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). JKPPK dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Saripuddin Kasim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KPWKM, manakala ahli-ahlinya adalah terdiri daripada wakil agensi di bawah Kementerian.

Adalah menjadi harapan agar PPK dapat dimanfaatkan oleh semua warga KPWKM supaya hasrat murni Kerajaan untuk membentuk penjawat awam yang mempunyai perspektif progresif, keperibadian yang seimbang dan budaya kerja yang unggul dapat direalisasikan.

## 40 WARGA KPWKM DITAULIAHKAN SEBAGAI AHLI AKRAM - JPA

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam atau AKRAM merupakan nama khusus bagi pegawai yang dilantik sebagai pembimbing rakan sekerja sepertimana yang dikehendaki dalam arahan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2005**. AKRAM merupakan agen penggerak kepada pelaksanaan budaya kerja kelas pertama dalam perkhidmatan awam. Ia diwujudkan bagi menyediakan medium perantaraan untuk memberi ruang dan peluang kepada penjawat awam agar mampu berfungsi secara efektif dalam usaha membantu pengurus sumber manusia perkhidmatan awam.

AKRAM membawa maksud **Amanah, Komitmen, Rasional, Akhlak** dan **Mulia** yang merupakan ciri-ciri penting dalam perkhidmatan awam. AKRAM juga merupakan penjenamaan semula versi rakan pembimbing, pembimbing rakan sekerja, pegawai khidmat nasihat, pegawai khidmat kaunseling dan pelbagai nama yang merujuk kepada peranan sebagai

### JAWATANKUASA AKRAM KPWKM 09/10

|                             |                                 |
|-----------------------------|---------------------------------|
| Presiden                    | En. Affendi Rajini Khan         |
| Tim. Presiden               | En. Radzial Alwi Mohamed        |
| Setiausaha I                | En. Shaiful Azli Jamaluddin     |
| Setiausaha II               | Pn. Nor Aziah Mohamed Mahayudin |
| Penyelaras KPWKM/ ISM/ NIEW | En. Mohd Redzuan Abdul Rahim    |
| Penyelaras JKM              | En. Mohammad Hazam Ismail       |
| Penyelaras JPW              | Cik Norhanira Ramain            |
| Penyelaras LPPKN            | En. Muhamad Noh Abdullah        |

### AHLI AKRAM KPWKM/ISM/NIEW

|                       |                        |
|-----------------------|------------------------|
| Pn. Zainab Saad       | Pn. Norhaliza Hussain  |
| Pn. Wan Azam Wan Ngah | Pn. Noradzilal Noroden |
| Pn. Rozita Hj. Jusoh  |                        |

### AHLI AKRAM JKM

|                                 |                           |
|---------------------------------|---------------------------|
| En. Jamal Zaidi Ismail          | En. Zulkiflie Hassan      |
| Tn. Hj. Mohd Rashidi Mohd Arif  | En. Harrif Hj. Abu Hassan |
| En. Shahrul Nizam Abdul Aziz    | En. Zainal Omar           |
| Pn. Amutha a/p Socklingam       | En. Mohd. Hamizan Nasir   |
| En. Md. Fauzi Ahmad             | Pn. Suryani Mohamed       |
| En. Zairul Razali               | En. Mat Zaib Yaacob       |
| Pn. Nooratika Zainal            | En. Aris Talib            |
| Pn. Nurfaradiba binti Ab. Nasir | En. Musa Husin            |

### AHLI AKRAM LPPKN

|                                    |                         |
|------------------------------------|-------------------------|
| En. Hisyamuddin Hamzah             | En. Syaharil Hashim     |
| En. Abu Bakar Taib                 | En. Saiful Alme Awang   |
| Pn. Noriyati Tahir                 | En. Zamri Mohamad       |
| En. Wan Mohd Ikhwan Wan Abd Rahman | Cik Siti Hasmah Marikon |
| Cik Junaidah Abd. Rahman           | Pn. Shapikah Shaari     |
| Pn. Sarojini Devi a/p Chellathurai |                         |



Sijil Pentauliahan AKRAM disampaikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Ismail Adam, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

rakan pembimbing. Ini bermakna, dalam perkhidmatan awam, pegawai yang memainkan peranan sebagai rakan pembimbing keseluruhannya akan dikenali sebagai AKRAM. AKRAM berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban dan membina potensi masing-masing dengan menekankan hubungan humanistik. AKRAM percaya bahawa rakan sekerja memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kualiti peribadi penjawat awam dan budaya organisasi.

Latihan dan pentauliahan ahli AKRAM dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA). AKRAM, KPWKM merupakan ahli tetap Majlis Rakan Pembimbing Kebangsaan (MAK).

Sila kemukakan sebarang pertanyaan mengenai AKRAM ke  
[akram@kpwkm.gov.my](mailto:akram@kpwkm.gov.my)

# KAUNSELING ADALAH UNTUK SEMUA

Kaunseling adalah satu proses perhubungan menolong secara profesional berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor untuk membantu klien meneroka, menganalisis, memahami diri dan mampu membuat keputusan sendiri mengikut Kod Etika Kaunselor (Peraturan-Peraturan - Kelakuan dan Tatatertib 1999 dan Akta Kaunselor 1998).

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan perkhidmatan memberi pertolongan dan **bukannya memberi arahan atau membuat pilihan atau membuat keputusan untuk individu tentang apa yang harus mereka lakukan. Ia juga bukan bertujuan untuk mempengaruhi individu supaya menurut sesuatu idealisme, fahaman atau sudut pandangan pegawai yang memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.** Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengiktiraf wujudnya perbezaan individu dan mengambil kira kewajipan serta tanggungjawab individu dalam mencapai matlamat proses bimbingan dan kaunseling.

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga bukan untuk mengambil alih tanggungjawab seseorang individu dalam menyelesaikan masalahnya malah ia merupakan proses kerjasama erat antara kaunselor dengan klien dan seluruh potensi yang ada dalam organisasi dan persekitaran. Secara ideal, seluruh potensi harus digabungkan agar bantuan dapat diterima secara maksimum oleh setiap individu yang memerlukan. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling amat menitikberatkan etika kerahsiaan dalam memberi perkhidmatan kepada individu atau kelompok. Secara umumnya matlamat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah seperti berikut:

- Mempertingkatkan kemahiran menghadapi perubahan;
- Mempertingkatkan kemahiran membuat keputusan;
- Memperkembangkan potensi diri;
- Perubahan tingkah laku; dan
- Memperbaiki hubungan dengan individu lain.

Untuk itu, Kementerian menyediakan perkhidmatan psikologi seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan ujian psikologi kepada semua warga Kementerian termasuk agensi di bawahnya. Perkhidmatan ini boleh diperolehi dengan mengunjungi Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPWKM atau mana-mana Bahagian/Unit Kaunseling di agensi di bawah Kementerian.

Sila kemukakan sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan psikologi atau kaunseling ke [sahabat@kpwkm.gov.my](mailto:sahabat@kpwkm.gov.my)

## MUTIARA KATA...

...Perjalanan seribu langkah, bermula dari satu langkah...

-Lao Tze

## PEMENTORAN MENINGKATKAN KOMPETENSI PENJAWAT AWAM

Program Pementoran merupakan satu pendekatan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara profesional oleh mentor (pegawai yang terlatih, berkemahiran dan beretika) bagi pembangunan mental (Pegawai yang memerlukan bimbingan). Ia dilaksanakan bagi tujuan memantapkan tahap kecekapan pegawai di samping membantu mengatasi kebimbangan disebabkan kurang keyakinan dan pengetahuan dalam menjalankan tugas. Melalui program ini, ilmu dan kemahiran dapat dikongsi bersama.

Pementoran memberi fokus kepada dua aspek penting iaitu kemajuan kerjaya dan psikososial. Kemajuan kerjaya merujuk kepada pendedahan, bantuan dan sokongan dalam perkembangan kerjaya, cabaran dan tanggungjawab dalam menjalankan tugas. Psikososial pula merujuk kepada *role model*, sokongan peribadi dan persahabatan bagi tujuan membangunkan dimensi personal dalam perhubungan organisasi.

Skop pementoran dalam perkhidmatan meliputi bagaimana seseorang mentor yang cemerlang dalam kerjaya memindahkan pengetahuan kerja dan sokongan kepada mentee yang baru berkhidmat atau dinaikan pangkat. Perkongsian pengalaman ini akan mampu melahirkan pegawai kompeten dan pemimpin yang berkebolehan. Setiap mentor dan mentee yang dilantik akan diberi latihan dan panduan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA),

Sila kemukakan sebarang pertanyaan mengenai program pementoran ke [mentor@kpwkm.gov.my](mailto:mentor@kpwkm.gov.my)